



**MAJLIS PERBANDARAN TAIPING**  
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan

**KENYATAAN TAWARAN**

Majlis Perbandaran Taiping, Perak berhasrat mempelawa kepada syarikat yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan mengemukakan cadangan/Request For Proposal (RFP) bagi :-

**CADANGAN PENGURUSAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, PERAK DARUL RIDZUAN KE ARAH WASTE TO ENERGY**

<b>1. Kelayakan / Pendaftaran</b>	Bedaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai Modal Berbayar tidak kurang RM 1.00 Juta.	
<b>2. Butir – Butir Taklimat Tawaran</b>	<b>Taklimat tawaran adalah <u>DIWAJIBKAN</u> dan akan diadakan pada;-</b>	
	Tarikh	<b>12.11.2019</b>
	Masa	<b>10.00 Pagi</b>
	Tempat	<b>Bilik Mesyuarat Dahlia, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Taiping.</b>
<b>3. Tarikh, Tempat, Harga Dokumen &amp; Waktu Dokumen Di Jual</b>	Tarikh dokumen dijual	<b>12.11.2019 hingga 26.11.2019</b>
	Tempat dokumen dijual	<b>Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 3, MP Taiping.</b>
	Harga dokumen	<b>RM 50.00</b>
	<b>Waktu jualan :</b> <b>Isnin – Khamis ( 8.15 pagi – 12.30 tgh &amp; 2.15 petang – 3.45 petang )</b> <b>Jumaat ( 8.15 pagi – 12.00 tgh &amp; 2.45 petang – 3.45 petang )</b>	
<b>4. Tempat, Tarikh &amp; Waktu Tawaran Ditutup</b>	Tarikh tutup	<b>03.12.2019</b>
	Masa	<b>12.00 Tengahari</b>
	Tempat	<b>Peti Tender, Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Taiping.</b>

1. Syarikat yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
2. Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Taiping pada waktu pejabat bermula **12.11.2019** hingga **03.12.2019**
3. **Taklimat Tawaran adalah DIWAJIBKAN.**  
**Taklimat akan diadakan pada tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan dan hanya penama pemilik/pengarah syarikat di nyatakan di dalam sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dibenarkan menyertai taklimat. Hanya syarikat yang hadir menyertai taklimat tawaran sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran.**
4. Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada wakil – wakil syarikat yang sah sahaja di mana wakil – wakil syarikat **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil – wakil syarikat juga hendaklah membawa dokumen – dokumen asal dan satu (1) salinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
5. Syarikat yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki menyediakan sama ada Kiriman Wang / Bank Deraf / Wang Pos / Kiriman Wang / Tunai sebanyak seperti dinyatakan di atas dibuat atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping sebagai bayaran dokumen tawaran. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
6. Dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan selepas tempoh jualan dokumen.
7. Dokumen tawaran yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan dan pihak Majlis tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar secara Pos atau Kurier.
8. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana – mana tawaran samada tinggi atau rendah.
9. Pihak Majlis tidak terikat dalam apa jua bentuk termasuk kewangan dan bukan kewangan untuk menerima mana – mana cadangan.
10. Cadangan yang dikemukakan menjadi milik mutlak Majlis Perbandaran Taiping.
11. Sebarang perbelanjaan menyediakan kertas cadangan ditanggung sepenuhnya oleh pihak yang mengemukakan cadangan.
12. Dokumen Tawaran yang telah lengkap hendaklah dimasukkan di dalam sampul yang dimeterai dan ditulis tajuk pada bahagian kiri atas sampul. Seterusnya dimasukkan dalam peti tender di alamat **YANG DIPERTUA, Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Taiping, PERAK**